



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2025

2024

2023



**BNCI 2024
PERTANIAN**
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

**Menelusuri Rantaian Pertanian
Malaysia dari Huluan ke Hiliran**
*Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain
from Upstream to Downstream*

**Margin Pasaran
Market Margins**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MENELUSURI RANTAIAN PERTANIAN MALAYSIA DARI HULUAN KE HILIRAN

MARGIN PASARAN

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube	:	StatsMalaysia
E-mel	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)
Harga	:	RM54.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-905-6

KATA PENGANTAR

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluan ke Hiliran memaparkan perjalanan komoditi pertanian dari peringkat awal hingga pengguna akhir. Penerbitan ini merupakan inisiatif penting dalam memahami ekosistem pertanian negara secara menyeluruh, merangkumi aspek huluan dan hiliran. Ini dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kecekapan, cabaran dan peluang dalam rantaian nilai pertanian serta kepentingan sektor Pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluan ke Hiliran merangkumi 19 buku meliputi Sorotan Aktiviti Pertanian, Guna Tenaga dan Gaji & Upah, Import Pertanian, Margin Pasaran dan Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi termasuk komoditi Kelapa sawit, Getah, Koko, Lada, Kayu, Kopi, Padi, Ayam & Telur, Lembu & Kambing, Perikanan, Sayur-sayuran, Buah-buahan, Kelapa dan Ubi kayu. Setiap penerbitan yang dimuatkan memberikan maklumat penting mengenai pengeluaran, pemprosesan, pemasaran serta daya saing sektor Pertanian.

Penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembuat dasar, penyelidik, pemain industri dan masyarakat umum dalam merangka strategi pembangunan sektor Pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing. Pemahaman mendalam mengenai rantaian nilai pertanian dapat memperkuuh ekosistem pertanian dan memastikan kemampanan berterusan sektor ini kepada ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

Muka Surat

Kata Pengantar	i
Senarai Jadual	iv
Senarai Singkatan	ix
Ringkasan Eksekutif	xi
Pengenalan	3
Segmen Huluau	11
Industri Sokongan Segmen Huluau	23
Segmen Hiliran	27
Jadual Statistik	47
Nota Teknikal	71
Rujukan	83

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan Segmen Hulu, Industri Sokongan Segmen Hulu dan Segmen Hilir, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	47
Jadual 2:	Kos Barang yang Dijual Segmen Hulu, Industri Sokongan Segmen Hulu dan Segmen Hilir, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	47
Jadual 3:	Nilai Margin Kasar Segmen Hulu, Industri Sokongan Segmen Hulu dan Segmen Hilir, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	48
Jadual 4:	Peratus Margin Kasar Segmen Hulu, Industri Sokongan Segmen Hulu dan Segmen Hilir, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	48
Jadual 5:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Segmen Hulu, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	49
Jadual 5.1:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Getah, 1970, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	49
Jadual 5.2:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Sekerap Getah, 2001, 2013, 2018 dan 2022	50
Jadual 5.3:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Minyak Kelapa Sawit, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	50
Jadual 5.4:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Kayu Balak dan Kayu-kayan, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	51
Jadual 5.5:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Bunga-bunga dan Tumbuh-tumbuhan, 2001, 2013, 2018 dan 2022	51
Jadual 5.6:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Ternakan, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	52

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 5.7:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian dan Haiwan Hidup Lain, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	52
Jadual 5.8:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Buah-buahan dan Sayur-sayuran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	53
Jadual 5.9:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Ikan Akuarium, Burung dan Haiwan Peliharaan, 2001, 2013, 2018 dan 2022	53
Jadual 6:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Industri Sokongan Segmen Huluan, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	54
Jadual 6.1:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Jentera, Kelengkapan dan Bekalan Pertanian, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	54
Jadual 6.2:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Baja dan Produk Agrokimia, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	55
Jadual 6.3:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Makanan Haiwan, 2001, 2013, 2018 dan 2022	55
Jadual 7:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Segmen Hiliran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	56
Jadual 7.1:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Daging, Unggas, Tenusu dan Telur, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	56
Jadual 7.2:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Daging, Unggas, Tenusu dan Telur, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	57

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 7.3:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Ikan dan Lain-lain Makanan Laut, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	57
Jadual 7.4:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Ikan dan Lain-lain Makanan Laut, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	58
Jadual 7.5:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Buah-buahan dan Sayur-sayuran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	58
Jadual 7.6:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Daging, Ikan, Buah-buahan dan Sayur-sayuran Lain-lain, 2013, 2018 dan 2022	59
Jadual 7.7:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Beras, Bijirin Lain, Tepung dan Gula, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	59
Jadual 7.8:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Beras, Bijirin Lain, Tepung dan Gula, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	60
Jadual 7.9:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Konfeksi, Biskut, Kek, Roti dan Produk Bakeri Lain, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	60
Jadual 7.10:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Produk Bakeri dan Konfeksi, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	61
Jadual 7.11:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Kopi, Teh, Koko dan Minuman Lain, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	61
Jadual 7.12:	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Teh, Kopi, Minuman Ringan, Air Mineral dan Minuman Lain, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	62

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 7.13: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Bir, Wain dan Spirit, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	62
Jadual 7.14: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Bir, Wain dan Spirit, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	63
Jadual 7.15: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Mi, Kueh Teow, Mihun, Kulit Wantan dan Produk Makanan Lain yang Dihasilkan daripada Tepung atau Soya, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	63
Jadual 7.16: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Barang Makanan Lain, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	64
Jadual 7.17: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Produk Makanan Lain, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	64
Jadual 7.18: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Bunga Keratan dan Tumbuhan, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	65
Jadual 7.19: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Perabot Isi Rumah, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	65
Jadual 7.20: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Perabot Isi Rumah, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022	66
Jadual 7.21: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Barang Kayu, Anyaman Rotan dan Barang Gabus, 2013, 2018 dan 2022	66
Jadual 7.22: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Barang Kayu, Anyaman Rotan dan Barang Gabus, 2013, 2018 dan 2022	67

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 7.23: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Kayu Balak, Kayu Bergergaji, Papan Lapis, Venier dan Produk Berkaitan, 1970, 1980, 2001, 2013, 2018 dan 2022	67
Jadual 7.24: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Ikan Akuarium, Haiwan Peliharaan dan Makanannya 2001, 2013, 2018 dan 2022	68
Jadual 7.25: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Runcit Makanan, Minuman dan Produk Tembakau di Gerai dan Pasar, 2001, 2013, 2018 dan 2022	68

SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
BTS	Buah Tandan Segar
COGS	Kos Barang yang Dijual
COVID-19	<i>Coronavirus 2019</i>
CPO	Minyak Sawit Mentah
CPKO	Minyak Isirung Sawit Mentah
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
LGM	Lembaga Getah Malaysia
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
RTD	<i>Ready To Drink</i>
SMR	<i>Standard Malaysian Rubber</i>
TCL	<i>Temperature Controlled Logistics</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluan ke Hiliran bagi Margin Pasaran memberikan gambaran komprehensif mengenai margin pasaran dalam sektor Perdagangan borong & runcit di Malaysia dengan menekankan hubungan antara setiap segmen dalam rantaian ini. Fokus utama adalah untuk menganalisis perbezaan margin kasar pada setiap peringkat rantaian, dari huluan ke hiliran serta faktor yang mempengaruhi perubahan dalam margin ini.

Analisis yang dibentangkan merangkumi margin kasar di setiap peringkat dalam rantaian pertanian. Pada peringkat huluan, margin kasar dilihat pada aktiviti pengeluaran bahan mentah pertanian seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu balak dan haiwan ternakan. Seterusnya, di peringkat industri yang menyokong aktiviti huluan, margin kasar yang terlibat adalah industri berkaitan jentera, baja dan makanan haiwan ternakan. Akhir sekali, di peringkat hiliran, margin kasar adalah bagi industri yang berkaitan pemasaran dan penjualan produk akhir kepada pengguna domestik dan antarabangsa seperti jualan secara borong dan runcit makanan & minuman, ikan & makanan laut lain, bakeri dan banyak lagi.

Statistik berkaitan segmen huluan menunjukkan margin kasar di Malaysia meningkat daripada 9.0 peratus pada tahun 1970 kepada 17.4 peratus pada tahun 1993, sebelum berkurang kepada 10.7 peratus pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, margin kasar meningkat kepada 22.9 peratus pada tahun 2013 dan mencatatkan 23.2 peratus pada tahun 2018. Margin kasar merekodkan 23.7 peratus pada tahun 2022.

Margin pasaran bagi segmen hiliran merangkumi perdagangan borong dan runcit makanan, minuman dan barang isi rumah. Margin kasar dalam segmen ini meningkat secara berterusan daripada 7.2 peratus pada tahun 1970 kepada 27.1 peratus pada tahun 2013. Margin terus kukuh pada tahun-tahun berikutnya dengan 26.4 peratus pada tahun 2018 dan 26.6 peratus pada tahun 2022.

Secara keseluruhannya, industri dalam sektor Perdagangan borong dan runcit di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara, khususnya dalam jualan makanan, minuman dan barang isi rumah. Walaupun sektor ini menunjukkan perkembangan yang konsisten, ia terus berdepan dengan cabaran seperti peningkatan kos operasi yang turut mempengaruhi peningkatan margin dan harga barang. Peningkatan berterusan dalam margin kasar bagi barang makanan, terutamanya yang bergantung kepada input import merupakan isu yang perlu diberi perhatian.

EXECUTIVE SUMMARY

The publication Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain from Upstream to Downstream of Market Margins provides a comprehensive overview of the market margins within the Wholesale & retail trade sector in Malaysia, highlighting the interconnectedness of each segment within the value chain. The primary focus is to analyse the differences in gross margins at each stage of the value chain, from upstream to downstream, as well as the factors that influence changes in these margins.

The analysis presented covers gross margins at every stage of the agricultural value chain. At the upstream level, gross margins are observed in the production activities of raw agricultural materials such as rubber, palm oil, timber, and livestock. Following this, in the industries that support upstream activities, gross margins are assessed in sectors related to machinery, fertilizers, and animal feed. Finally, at the downstream level, gross margins pertain to industries involved in the marketing and sale of final products to both domestic and international consumers such as the wholesale and retail of food & beverages, fish & other seafood, baked goods, and many more.

Statistics related to the upstream segment reveal that Malaysia's gross margin increased from 9.0 per cent in 1970 to 17.4 per cent in 1993, before declining to 10.7 per cent in 2001. However, the gross margin rose to 22.9 per cent in 2013 and recorded 23.2 per cent in 2018. The gross margin reached 23.7 per cent in 2022.

The market margins for the downstream segment includes wholesale and retail trade of food, beverages, and household goods. The gross margin in this segment increased steadily from 7.2 per cent in 1970 to 27.1 per cent in 2013. The margin remained strong in the following years, with 26.4 per cent in 2018 and 26.6 per cent in 2022.

Overall, the industries within the Wholesale and retail trade sector in Malaysia play a vital role in supporting national economic growth, particularly in the sale of food, beverages, and household goods. Although the sector has shown consistent development, it continues to face challenges such as rising operating costs, which also impact the increase in margins and product prices. The ongoing increase in margins for food items, especially those reliant on imported inputs, presents a development that may require careful monitoring.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK TERPILIH MARGIN PASARAN

SEGMENT HULUAN

Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan (RM juta)		Kos Barang yang Dijual (RM juta)		Margin Kasar (RM juta)	
2022	57,894.7	2022	44,197.7	2022	13,697.0
2018	54,478.2	2018	41,843.3	2018	12,635.0

INDUSTRI SOKONGAN SEGMENT HULUAN

Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan (RM juta)		Kos Barang yang Dijual (RM juta)		Margin Kasar (RM juta)	
2022	21,467.5	2022	17,223.4	2022	4,244.1
2018	17,458.8	2018	14,161.1	2018	3,297.7

SEGMENT HILIRAN

Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan (RM juta)		Kos Barang yang Dijual (RM juta)		Margin Kasar (RM juta)	
2022	167,378.5	2022	122,828.8	2022	44,549.7
2018	144,267.2	2018	106,184.1	2018	38,083.1

Sumber: Banci Perdagangan Borong & Runcit, 2019 dan Banci Ekonomi Perdagangan Borong & Runcit, 2023,
Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Segment hulu merujuk kepada proses awal seperti pengeluaran hasil pertanian, pemprosesan asas dan pembekalan kepada pemborong.
2. Segment hiliran merangkumi proses pemasaran, pengedaran dan penjualan produk pertanian kepada pengantara dan pengguna akhir.



SEJARAH BANCI / SURVEI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT 1970-2022



2001

**Binci Perdagangan Edaran 2002
(Tahun Rujukan 2001)**

2013

**Binci Perdagangan Edaran 2014
(Tahun Rujukan 2013)**

2018

**Binci Perdagangan Borong & Runcit
2019
(Tahun Rujukan 2018)**

2022

**Binci Ekonomi 2023 Perdagangan
Borong & Runcit**

1970

**Binci Perdagangan Jualborong dan
Jualruncit di Kawasan-kawasan Bandar
di Semenanjung Malaysia 1970***

1980

**Penyiasatan Sampel bagi Perdagangan
Jualborong dan Jualruncit di
Semenanjung Malaysia 1980 ***

1993

**Penyiasatan Perdagangan
Borong, Perdagangan Runcit dan
Katering**



Nota:

Tahun yang dipaparkan adalah tahun yang mempunyai data margin yang sudah diterbitkan dari penerbitan Perdagangan borong & runcit sahaja.

*bagi kawasan-kawasan bandar sahaja

PENGENALAN

Perdagangan borong & runcit merupakan salah satu subsektor penting dalam sektor Perkhidmatan yang melibatkan pengedaran dan penjualan barang kepada pengguna dan perniagaan. Perdagangan borong merujuk kepada aktiviti pembelian barang dalam kuantiti besar daripada pengeluar atau pembekal dan menjualnya semula kepada peruncit atau perniagaan lain dengan margin keuntungan tertentu. Sementara itu, Perdagangan runcit melibatkan penjualan barang secara terus kepada pengguna akhir dalam kuantiti kecil.

Margin kasar dalam Perdagangan borong & runcit merujuk kepada perbezaan di antara harga kos dan harga jual sesuatu barang. Margin ini berbeza bergantung pada faktor seperti kos operasi, permintaan pasaran dan strategi harga perniagaan.

Margin kasar bagi sektor Perdagangan borong & runcit mencatatkan peningkatan berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022). Pada tahun 2022, margin kasar subsektor ini direkodkan pada 25.3 peratus lebih tinggi berbanding 25.0 peratus pada tahun 2018.

Selain itu, Perdagangan borong & runcit turut berkait rapat dengan segmen huluan dan hiliran dalam sektor Pertanian. Segmen huluan melibatkan proses awal seperti pengeluaran hasil pertanian, pemprosesan asas dan pembekalan kepada pemborong. Manakala segmen hiliran merangkumi proses pemasaran, pengedaran dan penjualan produk pertanian kepada pengantara dan pengguna akhir. Segmen ini memainkan peranan yang penting dalam rantaian bekalan dan kelangsungan pasaran dalam sektor Pertanian.


Terdapat 10 industri yang terlibat dalam segmen huluan pertanian, tiga (3) industri yang menyokong segmen huluan pertanian dan 28 industri yang berkaitan dengan segmen hiliran pertanian seperti di **Paparan 1**. Perincian industri bagi setiap segmen adalah seperti di **Paparan 2**.

Paparan 1: Industri Perdagangan Borong & Runcit dalam Sektor Pertanian



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Paparan 2: Industri Perdagangan Borong & Runcit dalam Segmen Huluan dan Hiliran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Paparan 2: Industri Perdagangan Borong & Runcit dalam Segmen Huluan dan Hiliran (sambungan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi tempoh 1970 hingga 2022, margin aktiviti pertanian segmen huluan menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1970, margin segmen ini adalah 9.0 peratus, meningkat kepada 9.3 peratus pada tahun 1980 dan melonjak kepada 17.4 peratus pada tahun 1993. Margin kasar berkurang pada tahun 2001 kepada 10.7 peratus, namun meningkat kepada 22.9 peratus pada tahun 2013. Margin kasar meningkat kepada 23.2 peratus pada tahun 2018 dan mencatatkan sebanyak 23.7 peratus pada tahun 2022 (**Jadual 1**).

Margin segmen hiliran pertanian juga menunjukkan trend peningkatan dari tahun 1970 hingga 2022. Margin kasar segmen hiliran pada tahun 1970 adalah sebanyak 7.2 peratus. Margin ini meningkat kepada 9.4 peratus pada tahun 1980 dan melonjak kepada 18.5 peratus pada tahun 1993. Pada tahun 2001, margin segmen hiliran mencatatkan 20.5 peratus dan meningkat kepada 27.1 peratus pada tahun 2013. Margin menurun kepada 26.4 peratus pada tahun 2018 dan kembali meningkat kepada 26.6 peratus pada tahun 2022.

Bagi keseluruhan industri Perdagangan borong & runcit yang terlibat dengan aktiviti di peringkat huluan dan hiliran, margin kasar yang dicatatkan pada tahun 2022 adalah sebanyak 25.3 peratus, di mana segmen huluan dan hiliran masing-masing mencatatkan 23.7 peratus dan 26.6 peratus. Dalam tempoh yang sama, industri yang menyokong segmen huluan pula mencatatkan margin sebanyak 19.8 peratus. Antara faktor yang mempengaruhi peningkatan margin kasar ini termasuklah peningkatan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 serta penyediaan peralatan pencegahan daripada wabak COVID-19 di premis jualan seperti pelitup muka, cecair pembasmi kuman dan termometer.

Jadual 1: Peratus Margin Kasar Aktiviti Pertanian, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Peratus Margin Kasar Aktiviti Pertanian (%)			
	Segmen Huluan	Industri Sokongan Segmen Huluan	Segmen Hiliran	Jumlah
1970	9.0	8.4	7.2	8.0
1980	9.3	9.1	9.4	9.4
1993	17.4	18.1	18.5	18.0
2001	10.7	17.1	20.5	18.0
2013	22.9	19.6	27.1	25.3
2018	23.2	18.9	26.4	25.0
2022	23.7	19.8	26.6	25.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi segmen huluan, industri Jualan borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup lain mencatatkan peningkatan margin yang besar, daripada 4.9 peratus pada tahun 1970 kepada 34.0 peratus pada tahun 2013. Pada tahun 2022, industri yang merekodkan margin tertinggi adalah industri Jualan borong bunga-bungaan & tumbuh-tumbuhan dengan margin kasar sebanyak 33.0 peratus seperti di **Paparan 3**. Sebaliknya, margin kasar terendah adalah Jualan borong sekerap getah dengan 16.9 peratus.

Paparan 3: Margin Tertinggi dan Terendah Segmen Huluan Pertanian, 2022

Margin Tertinggi:

33.0%

**Jualan borong
bunga-bungaan &
tumbuh-tumbuhan**



Margin Terendah:

16.9%

**Jualan borong
sekerap getah**



Selain itu, bagi industri di bawah segmen hiliran, margin kasar Jualan runcit ikan dan makanan laut lain menunjukkan peningkatan margin yang ketara, bermula dengan 7.1 peratus pada tahun 1970, meningkat sehingga 41.9 peratus pada tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan kos operasi yang merangkumi kemudahan penyimpanan sejuk, penggunaan ais serta logistik kawalan suhu (TCL) sepanjang proses pengangkutan dari pelabuhan ke pusat borong bagi memastikan produk kekal segar.

Margin kasar Jualan runcit bakeri & konfeksi juga menunjukkan peningkatan yang ketara di mana margin kasar mencatatkan 7.9 peratus pada tahun 1970 dan mencapai 40.8 peratus pada tahun 2013. Pada tempoh tersebut, industri ini berkembang selari dengan perubahan gaya hidup pengguna yang semakin mengutamakan perkhidmatan, kualiti serta kepelbagaiannya pilihan produk. Keperluan terhadap bahan mentah yang berkualiti, inovasi dalam resipi, pembungkusan yang menarik serta sistem penghantaran dan penyimpanan yang cekap telah mendorong peningkatan nilai ditambah dalam rantaian pengeluaran.

Dari segi margin tertinggi pada tahun 2022, secara keseluruhannya, industri Jualan runcit makanan, minuman & tembakau di gerai & pasar mencatatkan 48.9 peratus seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4**. Walau bagaimanapun, Jualan borong daging, unggas, tenusu dan telur merekodkan margin terendah di bawah segmen hiliran dengan 12.9 peratus.

Paparan 4: Margin Tertinggi dan Terendah Segmen Hiliran Pertanian

Margin Tertinggi:

48.9%


**Jualan runcit makanan,
minuman & tembakau
di gerai & pasar**



Margin Terendah:

12.9%

**Jualan borong daging,
unggas, tenusu & telur**



Ringkasan rantaian industri yang berkaitan segmen huluan dan hiliran dalam sektor Pertanian adalah seperti di **Paparan 5**.

Paparan 5: Rantaian Segmen Hulu & Hiliran dalam Sektor Pertanian

SEGMENT HULUAN

Meliputi Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup



Industri yang menyokong segmen huluan pertanian



Meliputi Jualan borong dan runcit makanan, minuman & barang isi rumah



SEGMENT HILIRAN



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SEGMENT HULUAN

Perdagangan borong memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan hulu pertanian iaitu sebagai penghubung utama antara pengeluar seperti petani, penternak dan nelayan dengan peruncit atau pengguna akhir.

Industri Jualan Borong Getah


Getah asli dijual dalam bentuk bahan mentah sebelum diproses menjadi produk akhir seperti tayar, sarung tangan atau peralatan perubatan seperti yang ditunjukkan di **Paparan 6**. Pemprosesan awal getah seperti penghasilan lateks (susu getah) dan getah keping, diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada segmen hulu.

Paparan 6: Proses Penghasilan Produk Getah



Sumber: Lembaga Getah Malaysia


Carta 1: Margin Kasar Industri Jualan Borong Getah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lambakan bekalan ini menyebabkan penurunan harga getah di pasaran antarabangsa, sekali gus mengecilkan margin keuntungan industri Jualan borong getah. Pada tahun 2013, margin meningkat kepada 24.7 peratus dan kekal pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin industri ini meningkat kepada 24.8 peratus. Peningkatan ketara pada tahun 2013 ini boleh dikaitkan dengan harga getah SMR 20 yang mencatatkan antara harga tertinggi yang pernah direkodkan (Edisi Sabah, 2024). Berdasarkan **Carta 2**, harga getah SMR 20 meningkat daripada 205.6 sen/kg pada tahun 2001 kepada 774.7 sen/kg pada tahun 2013.

Carta 2: Harga Purata Tahunan Getah Malaysia



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Margin kasar industri jualan borong getah telah mengalami perubahan ketara sejak beberapa dekad yang lalu disebabkan oleh pelbagai faktor ekonomi dan pasaran yang mempengaruhi industri ini. Pada tahun 1970, margin kasar industri ini adalah sebanyak 9.0 peratus seperti di **Carta 1**.

Margin meningkat kepada 22.6 peratus pada tahun 1993, sebelum mengalami penurunan kepada 13.0 peratus pada tahun 2001. Penurunan margin kasar ini boleh dikaitkan dengan kemelesetan ekonomi global yang memberi kesan kepada permintaan industri. Selain itu, harga getah dunia mengalami kejatuhan disebabkan oleh lebihan bekalan (BNM, 2002).


Industri Jualan Borong Sekerap Getah

Jualan borong sekerap getah merujuk kepada penjualan sekerap getah dalam kuantiti besar daripada pengeluar atau pembekal kepada peruncit, pengilang atau syarikat pemprosesan getah. Pembeli dalam kategori ini adalah syarikat yang menggunakan sekerap getah sebagai bahan mentah untuk menghasilkan produk seperti tayar, kasut atau barang getah industri.

Sekerap getah merupakan hasil utama daripada industri hulu getah yang merangkumi penanaman pokok getah, penorehan dan pengumpulan sekerap getah sebelum diproses lebih lanjut. Antara faktor yang mempengaruhi margin dalam industri ini adalah harga pasaran getah asli di pasaran global.

Berdasarkan **Carta 3**, margin kasar Jualan borong getah sekerap adalah 16.2 peratus pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, margin berkurang pada tahun 2018 kepada 15.3 peratus. Penurunan margin ini boleh dikaitkan dengan penurunan harga getah dari 774.7 sen/kg pada tahun 2013 kepada 543.6 sen/kg pada tahun 2018. Margin kasar meningkat pada tahun 2022 kepada 16.9 peratus selari dengan peningkatan harga getah.

Carta 3: Margin Kasar Industri Jualan Borong Sekerap Getah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data pada tahun 2001 merujuk kepada Jualan borong produk perantaraan lain, bahan buangan dan sekerap yang tidak terkelas di mana-mana

Margin terendah dalam segmen hulu adalah Industri Jualan borong getah sekerap pada tahun 2022

16.9%




Industri Jualan Borong Minyak Kelapa Sawit

Malaysia merupakan salah satu pengeksport utama minyak kelapa sawit dunia. Industri Jualan borong minyak kelapa sawit memainkan peranan penting dalam menghubungkan pengeluar dengan pembeli domestik dan antarabangsa bagi memastikan kelangsungan bekalan dan kestabilan harga.

Buah tandan segar (BTS) yang dituai akan dihantar ke kilang pemprosesan untuk mengekstrak minyak sawit mentah (CPO) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO). Minyak yang diekstrak akan melalui proses penapisan di kilang penapis bagi menghasilkan minyak kelapa sawit bertapis.

Paparan 7: Proses Penghasilan Produk Kelapa Sawit




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Minyak kelapa sawit bertapis ini seterusnya dipasarkan secara borong kepada kilang penapis, pengeluar makanan serta syarikat pengeluaran produk berdasarkan kelapa sawit. Selain itu, minyak kelapa sawit turut dieksport ke pasaran antarabangsa seperti China, India, Pakistan dan negara-negara Timur Tengah.

Minyak kelapa sawit yang telah diproses untuk kegunaan industri dan isi rumah digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor. Penggunaan minyak sawit mentah bagi industri makanan adalah bertujuan untuk penghasilan minyak masak, marjerin, coklat, biskut, pastri dan pelbagai produk makanan lain. Sementara itu, penggunaan minyak sawit mentah terhadap industri bukan makanan adalah digunakan secara meluas dalam pembuatan sabun, syampu dan losyen seperti yang ditunjukkan di **Paparan 7**.

Margin kasar industri Jualan borong minyak kelapa sawit di Malaysia pada tahun 1993 merekodkan 24.5 peratus, sebelum menunjukkan kejatuhan pada tahun 2001 kepada 5.8 peratus seperti di **Carta 4**. Namun, margin kasar bagi industri ini meningkat kepada 17.3 peratus pada tahun 2013, 18.0 peratus pada tahun 2018 dan 18.5 peratus pada tahun 2022.

Carta 4: Margin Kasar Industri Jualan Borong Minyak Kelapa Sawit




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan margin kasar industri Jualan borong minyak kelapa sawit pada tahun 2001 boleh dikaitkan dengan beberapa faktor ekonomi global. Selain kesan berterusan kegawatan ekonomi yang melemahkan pertumbuhan ekonomi dan permintaan, harga CPO yang rendah dalam separuh tahun pertama tahun 2001 turut memberi tekanan kepada margin industri.

Oleh hal yang demikian, kerajaan Malaysia memperkenalkan insentif untuk mengurangkan lebihan bekalan minyak sawit, termasuk menggalakkan penanaman semula dan mengurangkan stok sedia ada (BNM, 2002).

Purata harga tahunan bagi minyak kelapa sawit di Malaysia direkodkan pada RM890.0/tan metrik seperti yang dipaparkan di **Carta 5**. Dalam tempoh lapan tahun berikutnya, harga menunjukkan peningkatan yang marginal kepada RM894.5/tan metrik pada tahun 2001. Namun, pada tahun 2013, harga melonjak dengan ketara sebanyak RM2,371.0/tan metrik. Walaupun harga minyak sawit mentah (MSM) berkurang kepada RM2,232.5/tan metrik pada tahun 2018, harga kembali meningkat dan mencapai RM5,087.5/tan metrik pada tahun 2022.

Carta 5: Purata Harga Tahunan Minyak Kelapa Sawit Malaysia



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

RM 6,873.0/tan metrik

**Harga tertinggi minyak kelapa sawit
pada Mei 2022**



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pada tahun 2022, harga minyak kelapa sawit melonjak ke paras tertinggi mencecah RM6,873.0/tan metrik pada Mei 2022. Perang antara negara Rusia dan Ukraine pada awal tahun 2022 memberi impak yang besar terhadap pasaran minyak global. Konflik ini mengganggu bekalan minyak bunga matahari kerana Ukraine merupakan pengeksport utama minyak tersebut. Oleh itu, permintaan terhadap minyak kelapa sawit meningkat bagi menggantikan minyak bunga matahari, seterusnya menyebabkan lonjakan pada harga minyak kelapa sawit (MPOB, 2022).

Selain itu, negara Indonesia sebagai pengeluar terbesar minyak kelapa sawit menghentikan sementara eksport minyak kelapa sawit pada April 2022 untuk memastikan bekalan domestik mencukupi. Hal ini menyebabkan kekurangan bekalan di pasaran antarabangsa, sekali gus meningkatkan harga minyak kelapa sawit global (Berita RTM, 2022).

Walaupun harga melonjak tinggi pada tahun 2022, margin kasar bagi industri ini hanya mencatatkan 18.5 peratus disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja. Menurut Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), industri ini dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM28 bilion sekiranya pekerja asing tidak dibawa masuk dengan kadar segera. Kekurangan tenaga kerja ini menyebabkan BTS tidak dapat dituai tepat pada masanya, seterusnya mengakibatkan kerugian yang besar walaupun harga minyak kelapa sawit berada pada tahap yang tertinggi.

**Industri Jualan Borong Kayu Balak &
Kayu-Kayan**

Industri Jualan borong kayu balak dan kayu-kayan melibatkan aktiviti jualan kayu mentah secara pukal yang belum diproses kepada pembeli. Kayu tersebut masih berbentuk asal dan belum melalui sebarang transformasi untuk menghasilkan produk siap seperti papan, perabot atau kertas. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada peringkat awal dalam rantaian bekalan industri perkayuan, sebelum diproses menjadi pelbagai jenis produk kayu.




Margin kasar pada tahun 1970 dalam industri Jualan borong kayu balak dan kayu-kayan mencatatkan 13.9 peratus namun menyusut kepada 12.3 peratus pada tahun 1980. Margin kasar mencatatkan peningkatan kepada 15.8 peratus pada tahun 1993 seperti yang ditunjukkan di **Carta 6**.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2001, industri ini berdepan cabaran besar apabila margin kasar merosot kepada 8.0 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi global yang memberi kesan terhadap permintaan antarabangsa bagi pelbagai komoditi termasuk produk berasaskan kayu.

Meskipun jumlah eksport produk kayu mencatatkan peningkatan dari segi kuantiti, nilai eksport tidak menunjukkan peningkatan disebabkan oleh harga pasaran global bagi produk utama seperti papan lapis dan kayu gergaji yang kekal rendah, berikutan permintaan yang lemah daripada negara pengguna utama seperti Jepun dan Amerika Syarikat (BNM, 2002).

Namun demikian, industri ini menunjukkan peningkatan pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2013, margin kasar industri ini melonjak kepada 27.9 peratus dan mencatatkan peningkatan marginal kepada 28.0 peratus pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, margin kasar mengalami penyusutan kepada 27.8 peratus pada tahun 2022.

Carta 6: Margin Kasar Industri Jualan Borong Kayu Balak dan Kayu-kayan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong Bunga-Bungaan dan Tumbuh-Tumbuhan


Industri Jualan borong bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan merupakan aktiviti menjual tumbuhan hiasan kepada peruncit dan kedai bunga. Industri landskap, perhotelan dan perkahwinan memerlukan bekalan bunga segar dan tanaman hiasan secara berterusan bagi memenuhi keperluan operasi.

Margin kasar industri bagi Jualan borong bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan pada tahun 2001 merekodkan 34.0 peratus. Margin meningkat kepada 34.7 peratus pada tahun 2013, namun berkurang kepada 32.8 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin meningkat kepada 33.0 peratus seperti di **Carta 7**.

Faktor peningkatan margin kasar bagi industri ini pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti sosial seperti majlis perkahwinan, acara korporat dan sektor hospitaliti yang kembali rancak selepas COVID-19. Selain itu, peningkatan terhadap tanaman hiasan, permintaan bunga eksotik dan pembungkusan menarik dalam kalangan pengguna turut menyumbang kepada peningkatan margin kasar.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Carta 7: Margin Kasar Industri Jualan Borong Bunga-bungaan dan Tumbuh-tumbuhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data pada tahun 2001 merujuk kepada Jualan borong pokok renek berpasu




33.0%

Margin tertinggi dalam segmen huluan adalah Industri Jualan borong bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan pada tahun 2022

Industri Jualan Borong Ternakan

Industri Jualan borong ternakan merujuk kepada aktiviti menjual ternakan hidup seperti lembu, kerbau dan kambing. Industri ini memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan makanan negara bagi menjamin kelangsungan sumber protein.

Carta 8: Margin Kasar Industri Jualan Borong Ternakan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 1970, margin kasar industri Jualan borong ternakan merekodkan 7.3 peratus, meningkat kepada 9.0 peratus pada tahun 1980 (**Carta 8**). Margin kasar mencapai 17.5 peratus pada tahun 1993, namun berkurang kepada 11.3 peratus pada tahun 2001.

Pada tahun 2013, margin kasar meningkat dengan ketara kepada 24.2 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan negara serta memperkuuh sektor agro-makanan dan akuakultur.

Langkah-langkah strategik yang dilaksanakan telah membantu menstabilkan harga makanan ternakan dan meningkatkan kecekapan rantaian bekalan, sekali gus mengurangkan tekanan kos kepada penternak dan pengusaha borong. Implikasi positif ini memberi kesan langsung terhadap peningkatan margin kasar dalam industri Jualan borong ternakan (BNM, 2014).

Walau bagaimanapun, margin kasar berkurang kepada 22.3 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin kasar meningkat kepada 22.4 peratus, menandakan kestabilan dalam industri Jualan borong ternakan.

Industri Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian dan Haiwan Hidup Lain


Industri Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup lain merangkumi pelbagai jenis produk yang tidak tergolong dalam kategori utama, namun memainkan peranan penting dalam menyokong keseluruhan rantaian nilai sektor pertanian dan penternakan negara. Antara bahan mentah pertanian yang termasuk dalam kategori ini ialah kelapa kering dan koko. Selain itu, kategori haiwan hidup lain merujuk kepada haiwan seperti haiwan eksotik, rusa dan arnab.

Margin kasar industri Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup lain merekodkan 4.9 peratus pada tahun 1970 dan meningkat kepada 5.6 peratus pada tahun 1980. Margin kasar melonjak kepada 14.5 peratus pada tahun 1993 seperti yang ditunjukkan di **Carta 9**.

Margin kasar berkurang kepada 10.3 peratus pada tahun 2001 namun meningkat dengan ketara kepada 34.0 peratus pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran makanan asas seperti hasil ternakan, sayur-sayuran dan produk perikanan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan negara serta memperkuuh sektor agro-makanan dan akuakultur (BNM, 2014).

Walau bagaimanapun, margin kasar mencatatkan penyusutan kepada 29.5 peratus pada tahun 2018 dan meningkat kepada 30.0 peratus pada tahun 2022.

Carta 9: Margin Kasar Industri Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian dan Haiwan Hidup Lain



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong Buah-buahan & Sayur-sayuran

Jualan borong di industri ini menjual buah-buahan dan sayur-sayuran dalam kuantiti yang besar kepada peruncit atau pengedar. Pengurusan barang mudah rosak (*perishable goods*) memerlukan sistem sokongan yang tersusun dan efisien seperti fasiliti penyimpanan sejuk, logistik kawalan suhu (TCL) dan pengendalian yang sistematis bagi mengekalkan kesegaran serta keselamatan makanan sepanjang proses penghantaran dan penyimpanan.


Buah-buahan dan sayur-sayuran juga mudah rosak dan mempunyai jangka hayat yang singkat, seterusnya menyebabkan pemborong berdepan risiko kerugian sekiranya berlaku kelewatan, kerosakan atau ketidaksesuaian dengan spesifikasi pasaran. Justeru, operasi borong bagi barang segar memerlukan tahap kecekapan yang tinggi serta pematuhan ketat terhadap piawaian keselamatan makanan bagi memastikan bekalan disalurkan kepada peruncit dalam keadaan yang baik.

Margin kasar jualan borong bagi industri ini adalah sebanyak 8.7 peratus pada tahun 1970, namun berkurang kepada 6.9 peratus pada tahun 1980 seperti di **Carta 10**. Seterusnya, margin kasar meningkat kepada 14.7 peratus pada tahun 1993 dan 19.2 peratus pada tahun 2001.


Pada tahun 2013, margin kasar mencatatkan 28.4 peratus dan meningkat kepada 29.6 peratus pada tahun 2018. Margin kasar tertinggi bagi industri ini adalah pada tahun 2022 sebanyak 29.9 peratus. Peningkatan paling ketara berlaku antara tahun 1993 (14.7%) dan tahun 2013 (28.4%).



Carta 10: Margin Kasar Industri Jualan Borong Buah-buahan dan Sayur-sayuran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia




Industri Jualan Borong Ikan Akuarium, Burung & Haiwan Peliharaan

Jualan borong ikan akuarium, burung dan haiwan peliharaan merujuk kepada aktiviti jualan ikan akuarium, burung dan haiwan peliharaan dalam kuantiti besar kepada perniagaan lain. Dalam konteks jualan borong, pengedar atau pembekal menjual haiwan peliharaan atau peralatan akuarium kepada kedai haiwan peliharaan, taman zoologi atau peruncit lain dalam kuantiti yang besar untuk tujuan penjualan semula kepada pengguna akhir.

Pada tahun 2001, margin jualan borong berada pada 10.3 peratus, namun berkurang kepada 5.0 peratus pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, margin ini meningkat kepada 11.2 peratus pada tahun 2018 dan mencapai 12.9 peratus pada tahun 2022, menunjukkan pemuliharan dan pertumbuhan dalam sektor ini seperti di **Carta 11**.

Carta 11: Margin Kasar Industri Jualan Borong Ikan Akuarium, Burung dan Haiwan Peliharaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

INDUSTRI SOKONGAN SEGMENT HULUAN

Industri Jualan Borong Jentera, Kelengkapan dan Bekalan Pertanian



Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan mendapatkan peranan penting dalam memperkuat aktiviti huluan bagi sektor Pertanian. Aktiviti ini merangkumi penyediaan peralatan dan teknologi yang mampu meningkatkan tahap kecekapan operasi, produktiviti pengeluaran dan kemampuan sistem pertanian di peringkat awal rantaian pengeluaran. Petani dan pengusaha agrikultur boleh mendapatkan akses kepada pelbagai bentuk teknologi moden dan input pertanian yang berkualiti tinggi.


Jentera utama yang digunakan dalam sektor Pertanian adalah traktor, bajak, mesin penanaman, mesin penyembur racun perosak, mesin menuai padi dan pemetik kelapa sawit. Penggunaan jentera, kelengkapan dan bekalan pertanian membolehkan proses penanaman, penjagaan dan penuaian hasil pertanian dijalankan dengan lebih efisien.

Di samping itu, penggunaan jentera pertanian secara meluas dapat membantu mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor ini serta dapat mengurangkan risiko kerosakan hasil pertanian. Penerapan teknologi dan jentera pertanian bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan hasil dan kecekapan operasi malah turut menyokong pembangunan sektor Pertanian yang lebih mampan di Malaysia.

Pada tahun 1970, margin kasar merekodkan 8.2 peratus, meningkat kepada 10.5 peratus pada tahun 1980 dan terus melonjak kepada 21.9 peratus pada tahun 1993. Pada tahun 2001, margin kasar berkurang kepada 17.4 peratus dan meningkat kepada 30.1 peratus pada tahun 2013. Margin kasar ini meningkat kepada 31.1 peratus pada tahun 2018 dan terus mencatatkan peningkatan kepada 31.5 peratus pada tahun 2022 seperti di **Carta 12**.

Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan memainkan peranan penting dalam memperkuat aktiviti huluan bagi sektor Pertanian. Aktiviti ini merangkumi penyediaan peralatan dan teknologi yang mampu meningkatkan tahap kecekapan operasi, produktiviti pengeluaran dan kemampuan sistem pertanian di peringkat awal rantaian pengeluaran. Petani dan pengusaha agrikultur boleh mendapatkan akses kepada pelbagai bentuk teknologi moden dan input pertanian yang berkualiti tinggi.

Carta 12: Margin Kasar Industri Jualan Borong Jentera, Kelengkapan dan Bekalan Pertanian



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data pada tahun 2001 meliputi Jual borong jentera & peralatan perindustrian & pertanian dan jual borong jentera peralatan pembinaan

Industri Jualan Borong Baja dan Produk Agrokimia




Industri Jualan borong baja dan produk agrokimia di Malaysia merupakan industri penting yang menyumbang kepada pembangunan dan kelestarian sektor Pertanian negara. Baja kimia, racun perosak, racun rumpai dan racun kulat memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan hasil pertanian, di samping melindungi tanaman daripada serangga perosak, rumpai yang mengganggu pertumbuhan serta penyakit tanaman yang boleh menjadikan kualiti dan kuantiti pengeluaran.

Margin kasar industri Jualan borong baja dan produk agrokimia di Malaysia pada tahun 1970 merekodkan 9.5 peratus, namun berkurang kepada 7.3 peratus pada tahun 1980 seperti yang ditunjukkan di **Carta 13**. Pada tahun 1993, margin meningkat kepada 12.4 peratus dan melonjak kepada 16.5 peratus pada tahun 2001.

Pada tahun 2013, margin kasar meningkat kepada 17.3 peratus, namun berkurang kepada 16.3 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin meningkat ke paras tertinggi iaitu sebanyak 17.9 peratus.

Carta 13: Margin Kasar Industri Jualan Borong Baja dan Produk Agrokimia




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong Makanan Haiwan

Jualan borong makanan haiwan merujuk kepada industri menjual produk makanan khas untuk haiwan dalam kuantiti besar kepada penternak, pengedar dan peruncit. Produk yang dipasarkan termasuk makanan kering dan basah. Industri ini memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan makanan haiwan dalam membekalkan stok pada harga yang kompetitif, seterusnya menyokong operasi perniagaan di peringkat runcit dan pengguna akhir.

Berdasarkan **Carta 14**, margin kasar industri Jualan borong makanan haiwan atau haiwan peliharaan pada tahun 2001 mencatatkan 13.7 peratus dan meningkat kepada 16.6 peratus pada tahun 2013. Namun, pada tahun 2018, margin kasar berkurang kepada 16.5 peratus dan meningkat kepada 17.7 peratus pada tahun 2022.

Carta 14: Margin Kasar Industri Jualan Borong Makanan Haiwan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data bagi industri ini meliputi Jualan borong makanan haiwan ternakan dan haiwan peliharaan

17.7%

Margin tertinggi industri Jualan borong makanan haiwan adalah pada tahun 2022



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SEGMENT HILIRAN

Aktiviti berkaitan hiliran pertanian dalam sektor Perdagangan borong dan runcit merangkumi pengedaran dan penjualan produk pertanian yang telah diproses atau diubah suai untuk kegunaan akhir pengguna. Kos bahan mentah, kos operasi, permintaan pasaran serta perubahan harga global mempengaruhi margin kasar dalam industri di segmen hiliran.


Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Daging, Unggas, Tenusu & Telur

Industri Jualan borong dan runcit bagi produk daging, unggas, tenusu dan telur memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan makanan harian pengguna. Pemborong bagi industri ini membekalkan produk daging, unggas, tenusu dan telur kepada pasar raya, pasar mini dan kedai runcit secara pukal.

Produk-produk ini mempunyai permintaan yang konsisten dan terus menunjukkan pertumbuhan positif sejajar dengan peningkatan populasi dan perubahan gaya hidup pengguna. Berdasarkan **Carta 15**, margin kasar bagi Jualan borong daging, unggas, tenusu dan telur menunjukkan peningkatan daripada 7.1 peratus pada tahun 1970 kepada 8.3 peratus pada tahun 1980. Margin kasar tertinggi dicatatkan pada 19.9 peratus pada tahun 1993, berkurang kepada 14.3 peratus pada tahun 2001 dan meningkat kepada 15.8 peratus pada tahun 2013.

Namun, pada tahun 2018 dan 2022, margin kasar masing-masing berkurang kepada 13.4 peratus dan 12.9 peratus. Penurunan dalam margin kasar jualan borong ini disebabkan oleh persaingan yang sengit justeru mendorong pemborong untuk menawarkan harga yang lebih rendah. Selain itu, peningkatan kos operasi dan bahan mentah turut menyebabkan margin kasar semakin kecil.


Carta 15: Margin Kasar Industri Jualan Borong Daging, Unggas, Tenusu dan Telur



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data pada tahun 1970 dan 1980 merujuk kepada Jualan borong daging, unggas dan telur sahaja.

Carta 16: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Daging, Unggas, Tenusu dan Telur



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain peningkatan kos operasi, margin kasar dalam industri Jualan runcit daging, unggas, tenusu dan telur juga dipengaruhi oleh keperluan mematuhi piawaian keselamatan makanan dan pensijilan halal, termasuk kawalan kualiti yang berterusan. Keperluan ini adalah penting bagi menjamin kebersihan dan keselamatan produk untuk keperluan pengguna.

Ketidaktentuan pasaran global dan perubahan kadar tukaran mata wang turut memberi kesan kepada industri ini kerana produk bekalan khususnya daging dan tenusu masih bergantung kepada sumber import. Pengedaran produk segar juga memerlukan sistem logistik kawalan suhu (TCL) bagi memastikan kualiti dan kesegaran sentiasa terpelihara.

Pada tahun 1970, margin kasar industri Jualan runcit daging, unggas, tenusu dan telur merekodkan 10.2 peratus, meningkat kepada 14.9 peratus pada tahun 1980. Pada tahun 1993, margin kasar mencatatkan 24.3 peratus, namun berkurang kepada 24.1 peratus pada tahun 2001. Margin kasar tertinggi bagi industri ini adalah pada tahun 2013 sebanyak 40.6 peratus. Namun, margin kasar berkurang kepada 38.8 peratus pada tahun 2018 dan 35.6 peratus pada tahun 2022 (**Carta 16**).

Margin kasar yang semakin berkurang disebabkan oleh kos operasi yang semakin meningkat seperti sewa premis dan harga bahan mentah untuk mengimbangkan antara kos operasi dan harga jualan.



Industri Jualan Borong & Jualan Runcit Ikan dan Lain-lain Makanan Laut

Industri jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut merujuk kepada aktiviti pembelian dan penjualan produk ikan serta makanan laut dalam kuantiti besar kepada peruncit, pemberong lain atau pengguna komersial seperti restoran dan pasar raya pada harga yang lebih rendah berbanding runcit.


Sebaliknya, jualan runcit ikan dan lain-lain makanan laut melibatkan penjualan produk tersebut secara langsung kepada pengguna akhir dalam kuantiti yang lebih kecil, lazimnya di pasar raya atau kedai runcit. Harga jualan runcit adalah lebih tinggi berbanding harga jualan borong disebabkan oleh kos tambahan seperti pembungkusan dan penyimpanan.

Margin kasar industri Jualan borong ikan & lain-lain makanan laut menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun seperti di **Carta 17**. Namun, pada tahun 2018, margin kasar jualan borong dan jualan runcit ikan dan lain-lain makanan laut berkurang iaitu masing-masing kepada 28.8 peratus dan 33.5 peratus. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, margin kasar bagi jualan borong bagi industri ini mencatatkan 28.9 peratus dan 41.9 peratus bagi jualan runcit seperti di **Carta 18**.

Pada tahun 1970, margin jualan borong adalah lebih tinggi berbanding jualan runcit. Namun, trend berubah selepas tahun 1980, di mana jualan runcit terus meningkat lebih tinggi. Pada tahun 2022, jurang antara margin jualan borong (28.9%) dan jualan runcit (41.9%) semakin melebar, menunjukkan margin kasar jualan runcit adalah lebih tinggi berbanding margin kasar jualan borong.


Kenaikan pesat dalam margin kasar jualan runcit adalah disebabkan oleh peningkatan harga produk, strategi pemasaran yang lebih berkesan, perubahan trend perbelanjaan pengguna serta peningkatan kos operasi.

Carta 17: Margin Kasar Industri Jualan Borong Ikan dan Lain-lain Makanan Laut



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 18: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Ikan dan Lain-lain Makanan Laut



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Runcit Buah-buahan & Sayur-sayuran Segar atau Diawet


Jualan runcit buah-buahan dan sayur-sayuran adalah aktiviti menjual buah-buahan dan sayur-sayuran dalam kuantiti yang sedikit secara langsung kepada pengguna akhir di pasar raya atau kedai runcit.

Margin kasar jualan runcit menunjukkan peningkatan dari 11.1 peratus pada tahun 1970 kepada 36.4 peratus pada tahun 2013 (**Carta 19**). Namun, margin kasar jualan runcit bagi industri ini berkurang kepada 34.2 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin kasar meningkat kepada 35.0 peratus.

Margin jualan runcit kekal lebih tinggi berbanding jualan borong di dalam industri ini. Pada tahun 2022, margin jualan borong mencatatkan 29.9 peratus, manakala margin jualan runcit merekodkan 35.0 peratus.

Antara faktor peningkatan margin kasar di industri ini adalah disebabkan oleh sewaan premis, penggunaan sistem penyejukan, pelaksanaan digitalisasi serta sifat buah-buahan dan sayur-sayuran yang mudah layu dan rosak.

Carta 19: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Buah-buahan dan Sayur-sayuran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia




Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Beras, Bijiran Lain, Tepung & Gula

Jualan borong dan jualan runcit beras, bijiran lain, tepung dan gula merujuk kepada aktiviti jual beli barang makanan asas seperti beras, bijiran (contohnya gandum, jagung dan oat), tepung (termasuk tepung gandum dan tepung jagung) serta gula yang dijual dalam kuantiti besar (jualan borong) kepada peruncit atau dalam kuantiti kecil (jualan runcit) kepada pengguna akhir. Industri ini membekalkan produk makanan asas kepada pasar raya, kedai runcit dan pengguna dengan tujuan memenuhi permintaan harian terhadap barang keperluan utama tersebut.

Berdasarkan **Carta 20**, margin kasar jualan borong menunjukkan peningkatan daripada 12.3 peratus pada tahun 1993 kepada 14.0 peratus pada tahun 2001. Margin kasar meningkat pada paras yang tertinggi kepada 14.5 peratus pada tahun 2013, namun berkurang kepada 13.3 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin kasar meningkat kepada 14.4 peratus pada tahun 2022.


Margin kasar jualan runcit bagi industri ini menunjukkan peningkatan daripada 18.0 peratus pada tahun 1993 kepada 22.3 peratus pada tahun 2001 (**Carta 21**). Margin kasar tertinggi bagi jualan runcit beras, bijiran lain, tepung dan gula adalah pada tahun 2013 dengan mencatatkan 29.2 peratus. Margin kasar berkurang kepada 26.7 peratus pada tahun 2018, namun meningkat kepada 28.0 peratus pada tahun 2022.

Carta 20: Margin Kasar Industri Jualan Borong Beras, Bijiran Lain, Tepung dan Gula



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 21: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Beras, Bijiran Lain, Tepung dan Gula



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Margin kasar jualan borong dan jualan runcit beras, bijirin lain, tepung dan gula yang berkurang pada tahun 2018 berbanding tahun 2013 adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama. Pada tahun 2013, peningkatan kos bahan mentah dan kos pengangkutan memberi tekanan kepada margin kasar.

Laporan OECD menunjukkan bahawa lebih daripada 80 peratus perdagangan global dalam bijirin dan minyak bijian berlaku melalui pengangkutan maritim dan peningkatan kos dalam sektor ini memberi kesan ketara kepada harga akhir produk.

Di samping itu, faktor-faktor lain seperti kadar pertukaran mata wang dan dasar perdagangan antarabangsa juga mempengaruhi kos bahan mentah dan kos operasi perniagaan, seterusnya memberi kesan kepada margin keuntungan dalam sektor borong dan runcit.

Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Produk Bakeri & Konfeksi

Industri jualan borong dan jualan runcit produk bakeri & konfeksi adalah aktiviti menjual pelbagai jenis produk seperti roti, kek, biskut, pastri, gula-gula, coklat dan manisan lain kepada perniagaan serta pengguna akhir. Di peringkat jualan borong, produk-produk ini dibekalkan dalam kuantiti yang besar kepada peruncit, pasar raya, hotel, restoran, kafe dan pengusaha perkhidmatan makanan.

Sementara itu, di peringkat jualan runcit, produk bakeri dan konfeksi ditawarkan secara langsung kepada pengguna melalui pelbagai saluran termasuk kedai bakeri, pasar raya dan kiosk.


Menerusi aktiviti jualan runcit, pengguna boleh mendapatkan produk dalam kuantiti yang lebih kecil meskipun pada harga yang lebih tinggi berbanding harga jualan borong.

Berdasarkan **Carta 22**, margin jualan borong meningkat dari 4.1 peratus pada tahun 1970 kepada 6.5 peratus pada tahun 1980. Margin kasar meningkat tiga kali ganda kepada 19.7 peratus pada tahun 1993, namun berkurang kepada 19.1 peratus pada tahun 2001. Margin kasar meningkat kepada 25.3 peratus pada tahun 2013, 25.8 peratus pada tahun 2018 dan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 26.0 peratus pada tahun 2022.

Margin kasar jualan runcit bagi industri ini pula mencatatkan 7.9 peratus pada tahun 1970 dan meningkat kepada 18.4 peratus pada tahun 1980. Pada tahun 1993, margin kasar meningkat kepada 34.8 peratus dan merekodkan 36.4 peratus pada tahun 2001. Margin kasar tertinggi bagi industri ini adalah pada tahun 2013 sebanyak 40.8 peratus. Pada tahun 2018, margin kasar berkurang kepada 39.0 peratus, namun meningkat kepada 39.4 peratus pada tahun 2022 seperti di **Carta 23**.


Margin jualan yang tinggi bagi produk bakeri dan konfeksi dapat dikaitkan dengan perkembangan trend gaya hidup moden, khususnya kemunculan budaya kafe yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan pengguna masa kini. Kecenderungan terhadap kopi premium serta konsep *coffee pairing* turut mendorong peningkatan permintaan terhadap produk konfeksi seperti kek, pastri dan pencuci mulut, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan dalam industri ini.

Carta 22: Margin Kasar Industri Jualan Borong Produk Bakeri dan Konfeksi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 23: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Produk Bakeri dan Konfeksi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Kopi, Teh, Koko & Minuman Lain

Industri jualan borong dan jualan runcit kopи, teh, koko dan minuman lain merangkumi aktiviti pengedaran dan penjualan pelbagai jenis minuman kepada perniagaan dan pengguna akhir. Di peringkat borong, produk-produk ini dibekalkan secara pukal kepada peruncit, kedai makanan & minuman, kafe, hotel serta pengusaha perkhidmatan katering.


Manakala di peringkat runcit, produk ditawarkan dalam pelbagai bentuk pembungkusan, termasuk minuman segera, sedia diminum (RTD) dan serbuk minuman yang dipasarkan melalui kedai fizikal, pasar raya serta platform e-dagang. Permintaan terhadap minuman berkualiti, seperti kopи premium, teh herba dan minuman berasaskan koko terus meningkat seiring dengan perubahan cita rasa pengguna dan gaya hidup moden.

Berdasarkan **Carta 24**, margin kasar jualan borong menunjukkan peningkatan dari 21.4 peratus pada tahun 1993 kepada 26.3 peratus pada tahun 2022, walaupun margin kasar berkurang pada tahun 2001 (16.0%).

Margin kasar jualan runcit meningkat dari 13.3 peratus pada tahun 1993 kepada 41.2 peratus pada tahun 2013, namun berkurang kepada 37.8 peratus pada tahun 2018 seperti di **Carta 25**.


Walau bagaimanapun, margin jualan runcit meningkat dan kekal tinggi pada 39.5 peratus pada tahun 2022. Margin jualan borong dan jualan runcit kopи, teh, koko dan minuman lain meningkat stabil sejak 2001, menunjukkan permintaan yang konsisten dan kukuh bagi industri ini. Kopи, teh dan minuman lain merupakan sebahagian daripada gaya hidup moden, seiring dengan perkembangan budaya kafe. Hal ini menyebabkan peniaga menetapkan harga yang lebih tinggi serta mengekalkan margin kasar yang kompetitif dalam pasaran.

Carta 24: Margin Kasar Industri Jualan Borong Kopи, Teh, Koko dan Minuman Lain



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 25: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Kopи, Teh, Koko dan Minuman Lain



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Bir, Wain & Spirit


Jualan borong dan jualan runcit bir, wain & spirit merujuk kepada aktiviti jual beli minuman beralkohol seperti bir, wain dan spirit. Jualan borong melibatkan pembelian produk dalam kuantiti besar daripada pengilang atau pembekal utama untuk dijual semula kepada peruncit, restoran, bar atau kedai yang akan mengedarkannya kepada pengguna akhir. Sementara itu, jualan runcit pula melibatkan penjualan produk secara langsung kepada pengguna akhir dalam kuantiti yang kecil.

Berdasarkan **Carta 26**, margin jualan borong dan jualan runcit bagi bir, wain dan spirit menunjukkan peningkatan dari tahun 1970 hingga tahun 2022. Margin jualan borong meningkat daripada 15.5 peratus pada tahun 1970 kepada 17.6 peratus pada tahun 1993, namun berkurang kepada 13.7 peratus pada tahun 2001. Bagi tahun 2013, margin kasar mencatatkan 32.3 peratus dan meningkat kepada 32.8 peratus pada tahun 2018. Margin kasar tertinggi adalah sebanyak 34.8 peratus pada tahun 2022.

Margin jualan runcit mengalami lonjakan lebih besar daripada 0.4 peratus pada tahun 1970 kepada 35.1 peratus pada tahun 2022 (**Carta 27**). Peningkatan paling ketara berlaku antara tahun 1980 hingga tahun 2013, di mana margin runcit melonjak daripada 4.4 peratus kepada 36.6 peratus.


Selain itu, dari tahun 1970 sehingga tahun 1993, margin kasar subsektor borong adalah lebih tinggi berbanding margin kasar subsektor runcit.

Carta 26: Margin Kasar Industri Jualan Borong Bir, Wain dan Spirit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 27: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Bir, Wain dan Spirit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, margin runcit mula mengatasi margin borong bermula tahun 2001, disebabkan oleh perubahan dalam struktur harga dan strategi perniagaan peruncit. Menurut portal Just Drinks, kenaikan harga minuman keras ini adalah disebabkan oleh peningkatan duti eksais ke atas minuman keras yang dikenakan pada tahun 2001, iaitu sebanyak 15 peratus sehingga 20 peratus, jauh lebih tinggi dari negara-negara jiran.


Namun, peningkatan kos operasi serta permintaan pasaran yang semakin berkembang telah mendorong peruncit untuk menyesuaikan harga jualan, sekali gus meningkatkan margin pasaran.

Industri Jualan Borong Bunga Keratan dan Tumbuhan

Jualan borong bunga keratan dan tumbuhan merujuk kepada aktiviti jual beli dalam kuantiti besar di peringkat pemborong. Pemborong memperoleh produk tersebut dalam jumlah yang banyak daripada pembekal atau ladang sebelum menjualnya kepada peruncit, pengedar atau kedai-kedai yang akan membekalkannya kepada pengguna akhir. Sebagai contoh, pemborong mendapatkan stok bunga seperti mawar dan melur atau tumbuhan hiasan seperti pokok palma dan pokok buah-buahan daripada pembekal. Seterusnya, produk ini dijual kepada kedai bunga atau pusat hortikultur dan memasarkan produk tersebut kepada pelanggan untuk tujuan hiasan atau penanaman di kawasan kediaman atau kebun.



Carta 28: Margin Kasar Industri Jualan Borong Bunga Keratan dan Tumbuhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhannya, Carta 28 menunjukkan margin kasar jualan borong bagi bunga keratan dan tumbuhan meningkat dari tahun 1993 hingga tahun 2022. Pada tahun 1993, margin kasar mencatatkan 32.2 peratus, namun berkurang kepada 29.0 peratus pada tahun 2001.

Namun, margin ini kembali meningkat dengan ketara kepada 41.9 peratus pada tahun 2013, sebelum menyederhana kepada 39.3 peratus pada tahun 2018. Pada tahun 2022, margin terus menunjukkan trend menurun tetapi kekal tinggi pada 38.0 peratus, mencerminkan daya tahan industri dalam menghadapi perubahan pasaran dan kos operasi.

Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Perabot Isi Rumah




Jualan borong dan jualan runcit perabot isi rumah merujuk kepada jual beli pelbagai jenis perabot seperti katil, meja, kerusi dan almari untuk tujuan kelengkapan kediaman. Dalam konteks jualan borong, pemborong memperoleh perabot dalam kuantiti besar daripada pengilang atau pembekal sebelum menjualnya kepada peruncit atau kedai perabot yang akan memasarkannya pula kepada pengguna akhir. Sebagai contoh, pemborong membeli set ruang tamu secara pukal dan menjualnya kepada kedai perabot untuk tujuan pasaran runcit. Sementara itu, jualan runcit merujuk kepada penjualan perabot yang dijual secara langsung kepada pengguna akhir. Seperti contoh, pelanggan membeli set perabot bilik tidur di kedai perabot untuk kegunaan di rumah kediaman.

Margin kasar bagi jualan borong dan jualan runcit perabot isi rumah menunjukkan peningkatan dari tahun 1970 hingga 2022 seperti di **Carta 29**. Margin kasar jualan borong meningkat daripada 6.3 peratus pada tahun 1970 kepada 10.1 peratus pada tahun 1980. Pada tahun 1993 dan 2001, margin kasar meningkat masing-masing kepada 18.2 peratus dan 22.4 peratus. Margin kasar mencatatkan 34.0 peratus pada tahun 2013, namun berkurang kepada 33.0 peratus pada tahun 2018. Peratus margin kasar tertinggi adalah pada tahun 2022 yang merekodkan sebanyak 38.0 peratus.

Sementara itu, margin kasar jualan runcit turut meningkat daripada 14.9 peratus pada tahun 1970 kepada 36.5 peratus pada tahun 2022. Margin kasar berkurang daripada 14.9 peratus pada tahun 1970 kepada 14.3 peratus pada tahun 1980. Margin kasar meningkat kepada 22.3 peratus pada tahun 1993, 28.7 peratus pada tahun 2001 dan mencatatkan margin kasar tertinggi pada tahun 2013 sebanyak 41.3 peratus. Namun, margin kasar masing-masing berkurang pada tahun 2018 dan 2022 kepada 38.3 peratus dan 36.5 peratus seperti di **Carta 30**.


Secara keseluruhannya, margin jualan borong meningkat dengan lebih stabil berbanding margin jualan runcit. Perubahan ini disebabkan oleh faktor seperti kos bahan mentah, permintaan pasaran serta peningkatan nilai perabot premium. Pembelian perabot secara dalam talian juga menunjukkan peningkatan dengan adanya lebih banyak platform e-dagang yang menawarkan penghantaran terus ke rumah.

Carta 29: Margin Kasar Industri Jualan Borong Perabot Isi Rumah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 30: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Perabot Isi Rumah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Barang Kayu, Anyaman Rotan & Barang Gabus

Jualan borong dan jualan runcit barang kayu, anyaman rotan & barang gabus merujuk kepada jual beli produk yang dihasilkan daripada bahan semula jadi seperti kayu, rotan dan gabus.


Margin kasar jualan borong meningkat daripada 29.2 peratus pada tahun 2013 kepada 30.1 peratus pada tahun 2018 dan mengekalkan kadar yang sama pada tahun 2022 (**Carta 31**).

Margin jualan runcit mengalami peningkatan daripada 36.0 peratus pada tahun 2013 kepada 36.5 peratus pada tahun 2018, namun berkurang kepada 32.4 peratus pada tahun 2022 (**Carta 32**). Penurunan ini berpunca daripada persaingan yang semakin sengit dalam pasaran runcit, perubahan dalam permintaan pengguna atau peningkatan kos bahan mentah yang memberi tekanan kepada keuntungan peruncit.

Sebagai contoh, pada tahun 2013, terdapat lonjakan kos bahan mentah yang disebabkan oleh kekurangan bekalan rotan dan kayu, menyebabkan pengeluar menaikkan harga. Dalam masa yang sama, persaingan yang semakin sengit daripada pengeluar luar negara yang menawarkan harga lebih murah turut memberi tekanan kepada margin keuntungan.


Selain itu, antara faktor yang mempengaruhi margin jualan yang rendah adalah perubahan permintaan pasaran seperti peralihan minat pengguna kepada perabot moden atau bahan alternatif. Oleh itu, peruncit terpaksa memberikan diskaun atau menawarkan harga yang lebih rendah untuk menarik pelanggan.

Carta 31: Margin Kasar Industri Jualan Borong Barang Kayu, Anyaman Rotan dan Barang Gabus



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 32: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Barang Kayu, Anyaman Rotan dan Barang Gabus




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri Jualan Borong dan Jualan Runcit Kayu Balak, Kayu Bergergaji, Papan Lapis, Venier & Produk Berkaitan

Jualan borong kayu balak, kayu bergergaji, papan lapis, venier dan produk berkaitan merujuk kepada penjualan bahan-bahan kayu dalam kuantiti yang besar kepada perniagaan lain seperti pengedar, pengilang perabot atau syarikat pembinaan yang akan memproses atau menjual semula produk tersebut kepada pengguna akhir.


Produk yang terlibat dalam jualan borong ini termasuk kayu balak mentah, kayu yang telah diproses menjadi kayu bergergaji, papan lapis, venier (lapisan kayu nipis yang digunakan untuk pelbagai aplikasi) dan produk kayu lain yang berkaitan. Sebagai contoh, pengedar membeli kayu balak dalam kuantiti yang besar daripada pengilang untuk dijual semula kepada syarikat pembinaan atau pengusaha perabot. Industri ini digolongkan sebagai aktiviti hiliran dalam sektor perhutanan dan pertanian kerana melibatkan pemprosesan bahan mentah (kayu balak) menjadi produk separa siap atau siap untuk kegunaan pengguna akhir seperti di **Paparan 8**.

Paparan 8: Aliran prosesan kayu yang diproses




Margin jualan borong produk kayu balak, kayu bergergaji, papan lapis, venier dan produk berkaitan di **Carta 33** menunjukkan peningkatan dari tahun 1970 hingga tahun 2022. Pada tahun 1970, margin jualan borong berada pada 13.9 peratus, namun berkurang pada tahun 1980 (12.3%). Margin kasar meningkat kepada 12.7 peratus pada tahun 2001 dan melonjak dua kali ganda kepada 28.7 peratus pada tahun 2013. Margin kasar tertinggi bagi industri ini direkodkan pada tahun 2022 sebanyak 29.4 peratus.

Carta 33: Margin Kasar Industri Jualan Borong Kayu Balak, Kayu Bergergaji, Papan Lapis, Venier dan Produk Berkaitan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan margin jualan borong termasuk harga kayu yang semakin mahal. Kekurangan sumber kayu akibat eksplotasi hutan dan dasar kawalan eksport menjadikan harga bahan mentah lebih tinggi, seterusnya meningkatkan margin keuntungan. Faktor lain adalah pengawalan bekalan dan polisi perhutanan di mana polisi kawalan eksport dan sekatan aktiviti pembalakan di beberapa buah negara menyebabkan pengurangan bekalan, sekali gus menaikkan harga produk kayu di pasaran global.



Industri Jualan Runcit Ikan Akuarium, Haiwan Peliharaan dan Makanannya

Jualan runcit ikan akuarium, burung dan haiwan peliharaan adalah aktiviti jualan secara langsung ikan akuarium, haiwan peliharaan dan makanan haiwan kepada pengguna akhir di premis fizikal.

Margin kasar jualan runcit bagi industri ini mencatatkan 33.8 peratus pada tahun 2001 dan meningkat kepada 39.3 peratus pada tahun 2013. Namun, margin kasar berkurang kepada 32.4 peratus pada tahun 2018 dan susut kepada 22.2 peratus pada tahun 2022 seperti di **Carta 34**.

Penyusutan ini disebabkan oleh peningkatan kos operasi, perubahan trend pengguna yang lebih cenderung membeli secara dalam talian serta persaingan yang lebih tinggi dalam pasaran haiwan peliharaan.

Para penggiat industri disarankan untuk merangka strategi perniagaan yang berdaya tahan dan berorientasikan masa hadapan bagi menghadapi cabaran pasaran semasa. Antara pendekatan yang boleh diterapkan termasuk menjalinkan kerjasama strategik dengan platform digital sedia ada, memperkuuh rantaian serta memperluas jenis produk selaras dengan permintaan pasaran semasa.

Carta 34: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Ikan Akuarium, Haiwan Peliharaan dan Makanannya



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Industri Jualan Runcit Makanan, Minuman dan Produk Tembakau di Gerai & Pasar




Jualan runcit makanan, minuman dan produk tembakau di gerai dan pasar merujuk kepada perniagaan yang melibatkan penjualan produk-produk tersebut secara langsung kepada pengguna di pasar tani, pasar malam atau gerai luar yang bersifat sementara. Sebagai contoh, pasar malam di kawasan perumahan yang menawarkan pelbagai jenis makanan ringan, buah-buahan segar, minuman serta produk tembakau seperti rokok.

Gerai-gerai ini menyediakan pilihan yang mudah dan cepat kepada pengguna untuk membeli keperluan harian mereka. Di samping menawarkan harga yang lebih rendah, gerai dan pasar ini turut menyediakan pelbagai produk tempatan yang jarang diperoleh di premis runcit konvensional.

Margin kasar jualan runcit bagi industri ini menunjukkan peningkatan dari 32.1 peratus pada tahun 2001 kepada 39.4 peratus pada tahun 2013 seperti di **Carta 35**. Pada tahun 2018, margin berkurang kepada 35.8 peratus dan mencatatkan peningkatan tertinggi bagi industri ini pada tahun 2022 sebanyak 48.9 peratus.

Carta 35: Margin Kasar Industri Jualan Runcit Makanan, Minuman dan Produk Tembakau di Gerai dan Pasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan margin ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, antaranya termasuk kos bahan mentah yang semakin tinggi dan pemulihran aktiviti ekonomi selepas COVID-19. Selain itu, permintaan dan peningkatan jumlah pelanggan harian membolehkan peniaga menjual dengan kuantiti yang lebih banyak. Pasar dan gerai turut menawarkan pelbagai produk segar seperti daging, ikan & hasil laut, buah-buahan dan sayur-sayuran yang menjadi pilihan pengguna.





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

JADUAL STATISTIK

Jadual 1: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan Segmen Huluan, Industri Sokongan Segmen Huluan dan Segmen Hiliran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan (RM juta)			
	Segmen Huluan	Industri Sokongan	Segmen Hiliran	Jumlah
		Segmen Huluan		
1970	1,771.9	130.6	2,131.2	4,033.7
1980	1,801.0	875.0	6,921.6	9,597.6
1993	12,491.9	2,344.3	15,664.5	30,500.8
2001	8,341.7	5,656.5	26,941.7	40,939.8
2013	47,254.5	11,199.4	96,631.7	155,085.7
2018	54,478.2	17,458.8	144,267.2	216,204.2
2022	57,894.7	21,467.5	167,378.5	246,740.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Kos Barang yang Dijual Segmen Huluan, Industri Sokongan Segmen Huluan dan Segmen Hiliran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Kos Barang yang Dijual (RM juta)			
	Segmen Huluan	Industri Sokongan	Segmen Hiliran	Jumlah
		Segmen Huluan		
1970	1,611.6	119.6	1,977.8	3,709.0
1980	1,633.3	795.8	6,270.7	8,699.9
1993	10,314.7	1,921.0	12,760.6	24,996.3
2001	7,449.7	4,691.8	21,416.1	33,557.6
2013	36,429.7	9,002.5	70,469.3	115,901.5
2018	41,843.3	14,161.1	106,184.1	162,188.4
2022	44,197.7	17,223.4	122,828.8	184,249.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Nilai Margin Kasar Segmen Huluan, Industri Sokongan Segmen Huluan dan Segmen Hiliran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Margin Kasar (RM juta)			
	Segmen Huluan	Industri Sokongan Segmen Huluan	Segmen Hiliran	Jumlah
1970	160.2	11.0	153.4	324.6
1980	167.7	79.2	650.8	897.7
1993	2,177.2	423.4	2,903.8	5,504.5
2001	892.0	964.7	5,525.5	7,382.2
2013	10,824.8	2,196.9	26,162.5	39,184.2
2018	12,635.0	3,297.7	38,083.1	54,015.8
2022	13,697.0	4,244.1	44,549.7	62,490.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: Peratus Margin Kasar Segmen Huluan, Industri Sokongan Segmen Huluan dan Segmen Hiliran, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Margin Kasar (%)			
	Segmen Huluan	Industri Sokongan Segmen Huluan	Segmen Hiliran	Jumlah
1970	9.0	8.4	7.2	8.0
1980	9.3	9.1	9.4	9.4
1993	17.4	18.1	18.5	18.0
2001	10.7	17.1	20.5	18.0
2013	22.9	19.6	27.1	25.3
2018	23.2	18.9	26.4	25.0
2022	23.7	19.8	26.6	25.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Segmen Huluan, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
1970	1,771.9	1,611.6	160.2	9.0
1980	1,801.0	1,633.3	167.7	9.3
1993	12,491.9	10,314.7	2,177.2	17.4
2001	8,341.7	7,449.7	892.0	10.7
2013	47,254.5	36,429.7	10,824.8	22.9
2018	54,478.2	41,843.3	12,635.0	23.2
2022	57,894.7	44,197.7	13,697.0	23.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.1: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Getah, 1970, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
1970	1,435.6	1,307.1	128.5	9.0
1993	1,701.7	1,316.8	384.9	22.6
2001	1,329.2	1,156.3	172.9	13.0
2013	7,730.9	5,817.6	1,913.3	24.7
2018	8,519.7	6,412.7	2,107.1	24.7
2022	7,359.3	5,534.2	1,825.1	24.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.2: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Sekerap Getah, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
2001	586.3	522.0	64.3	11.0
2013	1,121.4	939.3	182.1	16.2
2018	1,272.2	1,077.0	195.2	15.3
2022	1,410.8	1,172.8	238.0	16.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.3: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Minyak Kelapa Sawit, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
1993	1,264.5	954.2	310.3	24.5
2001	1,738.7	1,637.5	101.1	5.8
2013	21,379.0	17,671.2	3,707.8	17.3
2018	22,804.1	18,694.1	4,110.0	18.0
2022	23,837.9	19,427.9	4,410.0	18.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.4: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Kayu Balak dan Kayu-kayan, 1970, 1980, 1993, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
1970	137.8	118.6	19.1	13.9
1980	899.2	788.3	110.9	12.3
1993	7,389.9	6,223.6	1,166.3	15.8
2001	2,569.4	2,364.9	204.5	8.0
2013	5,291.7	3,813.4	1,478.4	27.9
2018	5,736.0	4,130.9	1,605.1	28.0
2022	4,835.1	3,493.2	1,341.9	27.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.5: Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan, Kos Barang yang Dijual dan Margin Kasar Jualan Borong Bunga-bungaan dan Tumbuh-tumbuhan, 2001, 2013, 2018 dan 2022

Tahun	Nilai jualan barang & perkhidmatan (RM juta)	Kos barang yang dijual (RM juta)	Margin kasar	
			(RM juta)	(%)
2001	16.5	10.9	5.6	34.0
2013	679.5	443.9	235.6	34.7
2018	808.6	543.6	265.0	32.8
2022	950.7	637.0	313.7	33.0

